



## KENYATAAN MEDIA

### **SEMINAR PENYELIDIKAN BELIA KEBANGSAAN 2018 NATIONAL YOUTH RESEARCH SEMINAR 2018 (YOURS'18): “Mendepani Cabaran Agenda Sosial ke Arah Kesejahteraan Belia ”**

---

1. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) sekali lagi menganjurkan Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan bagi tahun 2018 yang merupakan penganjuran kali ke tiga bermula pada tahun 2016.
2. Penganjuran YOURS'18 ini selaras dengan visi dan misi IYRES untuk menjalankan fungsi menyebarkan hasil penyelidikan disamping menjadi peneraju penyelidikan berteraskan pembangunan belia diperingkat serantau dan antarabangsa.
3. **YOURS'18 berlangsung pada 12 hingga 13 November 2018 (Isnin dan Selasa)** bertempat di **Dewan Tun Dr. Ismail PWTC, Kuala Lumpur** dan **dirasmikan oleh YB Syed Saddiq Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan Malaysia**. Tema **“Mendepani Cabaran Agenda Sosial Ke Arah Kesejahteraan Belia”** dipilih seiring isu dan perkembangan semasa.
4. Sejumlah **45 artikel penyelidikan** akan dibentangkan oleh ahli akademik, penyelidik dari agensi kerajaan dan pelajar siswazah daripada pelbagai bidang.
5. YOURS'18 membawa **6 Subtema utama** iaitu **Gejala Sosial Tradisional, Gaya Hidup Sedentari, Ketagihan Skrin, Kesihatan Mental, Kurang Belas Ihsan dan Lain-Lain Isu Pembangunan Belia**.
6. Keunikan YOURS'18 pada kali ini jika dibandingkan dengan penganjuran YOURS terdahulu adalah pada **tahun ini satu anugerah khas diperkenalkan iaitu YOURS AWARD**.

7. **YOURS AWARD** adalah sebuah anugerah berprestij bagi mengiktiraf penghasilan artikel penyelidikan berkaitan isu-isu belia yang terbaik.
8. Artikel tersebut dinilai berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh para juri yang pakar dalam bidang berkaitan dan diselaraskan dengan tema yang diketengahkan pada pengumuman seminar kali ini.
9. YOURS'18 merupakan platform kepada ahli akademik, penyelidik dari agensi kerajaan dan pelajar siswazah daripada pelbagai bidang untuk membentang; menyebarkan hasil kajian; mewujudkan ruang perkongsian idea dan menjadi medan perbincangan intelektual berkenaan isu pembangunan belia serta memantapkan jalinan kerjasama antara pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan.
10. IYRES menjangkakan pelaksanaan YOURS'18 dapat dijadikan sebagai platform utama di negara untuk menyebarkan hasil penyelidikan yang dilaksanakan dan input penyelidikan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang berkepentingan untuk merangka program-program berkaitan pembangunan belia.

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Ketua Sekretariat IYRES 2018**

Puan Zuarini binti Jumai

: +012 3919958

**Ketua Projek**

Puan Shariffah Mamat

: +6012 293 0029

**Unit Perhubungan Awam IYRES**

Muhammad Hadi Muhammad Nafis

: +6013 292 1603

INSTITUTE FOR  
YOUTH RESEARCH  
MALAYSIA